

Sabah pengeluar produk tenusu utama ASEAN

Saya
berbangga
kerana
purata
pengeluaran
sehari susu
bagi seekor
lembu
tenusu
KILC telah
meningkat
antara 3.63
liter hingga
8.48 liter
pada 2014
kepada 15
liter hingga
17 liter sehari
pada tahun
ini."

MUSA AMAN
Ketua Menteri
Sabah

Oleh **BESSE AISYAH**
ekonomi@utusan.com.my

■ KOTA KINABALU 7 SEPT.

SABAH bakal menjadi pengeluar utama produk tenusu di Asia Tenggara dalam tempoh beberapa tahun lagi, hasil keupayaan ladang Pusat Ternakan Bersepadu Keningau (KILC) meningkatkan pengeluaran susu lembu setiap hari untuk keperluan pasaran.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, projek KILC bernilai RM100 juta yang beroperasi sejak 2014 di daerah Keningau, kini turut berjaya menghasilkan baka lembu tenusu berkualiti tinggi bagi memastikan pengeluaran produk berkeenaan sentiasa meningkat.

Menurutnya, kejayaan tersebut menepati objektif pembukaan KILC sebagai satu program pembangunan strategik jangka panjang di bawah Koridor Pembangunan

Sabah (SDC) untuk menjadikan Sabah antara pengeluar baka lembu dan produk tenusu berkualiti tinggi.

"Saya berbangga kerana purata pengeluaran sehari susu bagi seekor lembu tenusu KILC telah meningkat antara 3.63 liter hingga 8.48 liter pada 2014 kepada 15 liter hingga 17 liter sehari pada tahun ini.

"Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Sekiranya purata pengeluaran susu dikekalkan, KILC mampu mencapai sasaran pengeluaran kepada 8,000 liter sehari menjelang akhir tahun ini," katanya kepada pemberita semasa melakukan lawatan kerja ke projek KILC Keningau, semalam.

Yang turut hadir pada lawatan itu ialah Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman; Ketua Setiausaha Eksekutif Pihak

Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), Datuk Dr. Mohd. Yaakub Johari dan Pegawai Daerah Keningau, Yusop Osman.

Musa berkata, beliau melawat ladang itu bagi melihat sendiri dan memastikan projek KILC dapat dilaksanakan dengan baik, berjalan lancar dan berkesan bagi mencapai objektif pembinaannya.

Ladang berkenaan turut menjadi pemangkin ekonomi bagi daerah itu dengan menyediakan peluang pekerjaan baharu termasuk tenaga kerja mahir bagi memaksimumkan operasi ladang.

"Kita juga mengambil maklum tentang beberapa kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh penguurusan KILC. Sehubungan itu, saya menyeru kepada belia terutama di sekitar daerah Sook dan Keningau supaya merebut peluang ini untuk menimba ilmu dan latihan dalam bidang ternakan lembu," katanya.



MUSA AMAN (tengah) mendengar penerangan daripada pengusaha ladang semasa melawat ladang lembu tenusu di Pusat Ternakan Bersepadu Keningau, Sabah, kelmarin. - UTUSAN/BESSE AISYAH